



Hotel deART

hotel ceria buat keluarga

Bercuti ke Shah Alam barangkali satu perkara yang biasa bagi warga kota di Kuala Lumpur dan apatah lagi warga Shah Alam. Ramai yang gemar ke sini sebagai pilihan berlibur bersama keluarga dan rakan-rakan. Shah Alam yang pesat membangun ini menyediakan pelbagai aktiviti riadah dan pusat-pusat pelancongan yang pasti memberi satu pengalaman yang menarik.

Bagi mereka yang tinggal di luar Kuala Lumpur dan Shah Alam pastinya tercapai-cari penginapan buat seisi keluarga. Satu bonus, jika mendapat hotel yang murah, selesa dan berdekatan dengan pusat pelancongan!

Barangkali Hotel deART, terletak di Seksyen 7, Shah Alam menawarkan perkhidmatan yang diinginkan oleh anda. Selain

lokasinya yang strategiknya, apa yang membezakan Hotel deART dengan hotel lain adalah hotel ini ditatahias dengan cara paling kreatif dengan berkonsepkan seni menerusi 58 biliknya yang dilengkapi kertas dinding pelbagai corak yang menarik. Paling menarik, suasana bilik tampak ceria dengan suntikan pilihan kertas dinding import berwarna-warni yang bermutu tinggi.

Seakan anda berada di dunia lain apabila memasuki bilik hotel ini. Lebih istimewa ia tampil dengan dekorasi eksklusif dan mewah walaupun Hotel deART menawarkan harga penginapan yang murah bermula dari RM 88 sehingga RM 208.

Kertas dinding bertema

Hotel ini yang berdekatan

dengan I-City dan hanya 20 minit dari Kuala Lumpur menawarkan pelbagai jenis kertas dinding di setiap bilik itu dianggap antara daya penarik bagi mereka yang mahukan kelainan. Antara tema kertas dinding ialah cerita dongeng, bandar-bandar seperti Paris & New York, mistik Mesir, gaya mewah Eropah dan China, legenda superstar seperti Elvis Presley, Michael Jackson, Mickey Mouse, Hello Kitty, dan juga Lady Gaga!

Ruang bilik dengan keluasan sederhana itu mempunyai hiasan dalaman yang mempesonakan. Selain aturan ruang tidur, ia juga dilengkapi dengan kemudahan internet dan televisyen.

Lokasi pelancongan

Kawasan pelancongan berdekatan hotel ialah I-City, Kompleks Sukan Shah Alam,



Extreme Park, Sunway Lagoon Theme Park, Bukit Cahaya Taman Pertanian, Berdekatan dengan pasar raya dan Tasik Shah Alam. Bahkan ia juga berdekatan dengan UITM Shah Alam dan UNISEL, pasti memberi peluang ibu bapa untuk berehat sambil melawat anak mereka.

Bagi pengunjung yang mahu menjamu selera, mereka boleh mendapatkan servis pesanan dan makanan ke bilik. Atau jika tidak, aturkan langkah ke Coffee House Hailam yang berdekatan hotel. Di situ, pelbagai seleksi masakan sama ada tradisional tempatan dan sajian barat disediakan.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Hotel DeART, Jenny Liow berkata, konsep hotel seni ini bertujuan untuk memberi keselesaan dan kelainan kepada pengunjung yang datang dari dalam dan luar negara.

"Hotel ini telah beroperasi

hampir dua tahun dan pihak kami sentiasa mengutamakan keselesaan, kebersihan, keselamatan dan keceriaan supaya pengunjung yang menginap di sini menikmati pengalaman manis semasa berada di hotel deART. Oleh sebab itu, pengunjung boleh memilih pilihan kertas dinding mengikut citarasa masing-masing namun mengikut kekosongan bilik ketika itu," katanya.

Jenny Liow menambah, bilik keluarga yang sering menjadi pilihan pengunjung ialah tema Mickey Mouse dan Hello Kitty.



Perkhidmatan

- ⊕ Percuma internet WiFi
- ⊕ TV LCD 32" dengan saluran ASTRO terpilih
- ⊕ Katil berkualiti lima bintang
- ⊕ *Persekitaran bersih dan bilik mandi
- ⊕ Surau
- ⊕ Sistem kad elektronik utama
- ⊕ Pancuran mandian air panas
- ⊕ Kawasan letak kereta yang mencukupi
- ⊕ Sarapan pagi percuma di Coffee House Hailam

*Perkhidmatan ini hanya kepada bilik-bilik tertentu sahaja.

PROMOSI Tahun Baru 2013!

Penginapan nyaman di Hotel deART

Menangi 20 baucar penginapan
2 hari 1 malam
berjumlah **RM3160**
(Mengikut syarat dan terma)

SOALAN:

1. Resort ini terletak di mana?

.....

2. Sebutkan tiga perkhidmatan yang ditawarkan di hotel ini.

.....

Slogan: Kenapa saya suka Hotel deArt (tulis dengan jelas mengikut kreativiti anda)

.....

.....(Tidak lebih daripada 15 patah perkataan)

Nama: _____
 No. KP: _____ Pekerjaan: _____
 Alamat: _____

 No. tel: _____ (T/B) _____ (P)
 _____ (R) Emel: _____
 Tarikh penghantaran : _____

Syarat Kelayakan:

1. Peraduan ini terbuka kepada semua pembaca Pa&Ma kecuali warga kerja kumpulan Karangraf.
2. Semua penyertaan perlu disertai dengan borang asal-Salinan fotokopi tidak diterima.
3. Keputusan pemenang adalah muktamad Sebarang rayuan tidak dilayan.
4. Tarikh tutup penyertaan **31 April 2013**.

Hantarkan penyertaan anda ke:

Promosi Pa&Ma & Suna Cherating Beach Resort
 Majalah Pa&Ma, Grup Majalah Karangraf Sdn Bhd
 Lot No. 25, Premis No. 1, Jalan Renggam 15/5,
 Off Persiaran Selangor, Seksyen 15,
 40200 Shah Alam, Selangor